

**TEKS PERASMIAN  
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE  
ORGANIZATION**

**PROGRAM IFTAR RAMADHAN  
BERSAMA KOPERASI WILAYAH BARAT**

**ANJURAN SURUHANJAYA KOPERASI  
MALAYSIA (PAHANG) DENGAN  
KERJASAMA PUSAT KUTIPAN ZAKAT  
PAHANG DAN ANGKASA**

**20 APRIL 2022 (RABU),  
6:00 PETANG**

# **MASJID SULTAN ABU BAKAR, RAUB (MASJID BARU DAERAH)**

---

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Keluarga  
Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

Datuk/Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan  
dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian.

---

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya rafak ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga

serta para sahabat Baginda yang mulia.

2. Pertamanya, marilah kita panjatkan kesyukuran kerana dengan limpah dan rahmat-Nya yang mengizinkan kita untuk bersama-sama menghadiri **'Program Iftar Ramadhan Bersama Koperasi**

**Wilayah Barat anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pahang) dengan kerjasama Pusat Kutipan Zakat Pahang dan ANGKASA.'** Mudah-mudahan majlis ini akan mendapat keberkatan dan keredaanNya.

3. Di kesempatan ini saya mengucapkan selamat berpuasa

dan semoga semua amal ibadah kita diterima olehNya. Hari ini merupakan hari ke-12 kita menunaikan ibadah puasa bulan Ramadan. Saya berdoa agar kita semua dianugerahi kesehatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah puasa dan ibadah-ibadah lain dengan sempurna, insyaAllah.



## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

4. Sebagai seorang Muslim, kita semua wajib mengetahui rukun iman dan rukun Islam. Islam berarti tunduk dan patuh menurut segala peraturan dan panduan zahir serta batin yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW. Iman dan Islam tidak

boleh diasingkan sama sekali kerana ia adalah syarat utama untuk memperoleh pelepasan azab dan dalam masa yang sama sebagai bekalan ganjaran di akhirat kelak.

5. Rukun Islam adalah lima perkara dasar dalam Islam yang dianggap asas yang wajib bagi

orang-orang beriman. Rukun Islam diibaratkan seperti tiang-tiang yang memerlukan dan melengkapi untuk menegakkan Islam dengan sempurna.

6. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Islam dibangun di atas lima perkara; persaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, pergi haji dan puasa di bulan Ramadan” (HR Muslim).

7. Zakat merupakan Rukun Islam yang ke-3 di dalam Islam. Kewajiban menunaikan zakat ini adalah sama pentingnya sepertimana kita menjalani ibadah puasa yang merupakan Rukun Islam ke-4.

8. Zakat merupakan kewajiban yang dikeluarkan pada harta orang

yang memiliki kelebihan. Zakat dari segi syarak adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya. Berdasarkan firman Allah SWT di dalam Surah At-Taubah yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan

(ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

9. ANGKASA begitu komited untuk bekerjasama dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang bagi memastikan gerakan koperasi menjalankan



tanggungjawab masing-masing untuk membayar zakat.

10. ANGKASA telah dilantik sebagai wakil 'amil secara rasmi oleh Pusat Kutipan Zakat Pahang bermula tahun 2012 sehingga kini untuk membuat TAKSIRAN dan KUTIPAN Zakat Perniagaan Koperasi

setiap tahun. Dengan lantikan tersebut, ANGKASA bertanggungjawab untuk:

- i. Memberikan kesedaran yang berterusan kepada koperasi mengenai kewajipan menunaikan Rukun Islam ke-3 ini.

- ii. Membuat taksiran terhadap akaun yang telah diaudit serta mendapat pengesahan daripada Pusat Kutipan Zakat Pahang terhadap jumlah zakat perniagaan yang perlu dibayar oleh sesebuah koperasi.
- iii. Mengutip atau menerima pembayaran zakat perniagaan oleh

sesebuah koperasi bagi pihak Pusat Kutipan Zakat Pahang.

11. Data terkini bagi tahun 2022 bermula Januari hingga Mac 2022 bagi negeri Pahang, ANGKASA telah membuat taksiran terhadap **24 buah koperasi** dan sebanyak **empat buah koperasi** telah membuat

pembayaran dengan jumlah kutipan zakat perniagaan sebanyak **RM14,142.74.** ANGKASA dimaklumkan bahawa status **20 buah koperasi** lagi sedang dalam rundingan/perbincangan bersama Ahli Lembaga Koperasi untuk membuat pembayaran.

12. Justeru, berdasarkan kepada kewajipan berzakat, ANGKASA mengharapkan agar koperasi-koperasi bersepakat di dalam mesyuarat memutuskan untuk segera membuat pembayaran zakat perniagaan yang diwajibkan ke atas koperasi. Ia sangat penting bagi memastikan nilai barakah itu

sentiasa subur dalam perniagaan dan aktiviti koperasi. Ia juga selaras dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 276 yang bermaksud:

“Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah (zakat)”

13. Data kutipan zakat bagi seluruh negeri di Malaysia bagi bulan Januari hingga Mac 2022 menunjukkan ANGKASA telah memberikan perkhidmatan kepada **298 buah koperasi**. Sebanyak **44 buah koperasi** telah membuat pembayaran zakat perniagaan dengan nilai sebanyak



**RM482,945.77.** Pihak ANGKASA sentiasa membuat tindakan susulan (follow up) terhadap **254 buah koperasi** lagi yang masih belum membuat sebarang keputusan terhadap zakat perniagaan koperasi. ANGKASA sangat yakin bahawa baki koperasi ini akan membuat pembayaran zakat

perniagaan setelah melalui proses kerja atau SOP yang ditetapkan oleh koperasi masing-masing.

14. Berdasarkan kepada data ANGKASA untuk tahun 2021 bagi negeri Pahang, ANGKASA telah berjaya memberikan perkhidmatan taksiran kepada **87 buah koperasi**

dan sebanyak **77 buah koperasi** telah membuat pembayaran zakat perniagaan yang mana nilainya adalah sebanyak **RM145,185.43**. Ini bermakna, hanya **10 buah koperasi** sahaja masih tiada rekod mengenai status pembayaran zakat perniagaan koperasi. Diharapkan agar 10 buah koperasi ini bersegera

untuk menunaikan tanggungjawab Rukun Islam ke-3 ini dan ANGKASA dengan penuh tanggungjawab bersedia untuk terus memberikan perkhidmatan kepada mereka.

15. Bagi keseluruhan negeri di Malaysia untuk tahun 2021, ANGKASA telah merekodkan

sebanyak **1453 buah koperasi** telah diberikan perkhidmatan berkaitan zakat perniagaan koperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1118 buah koperasi** telah berjaya menunaikan/membuat pembayaran zakat perniagaan dengan jumlah sebanyak **RM3,002,429.26,** Manakala

sebanyak **335 buah koperasi** yang masih belum membuat pembayaran zakat dan ANGKASA komited membuat tindakan susulan memberikan kesedaran agar koperasi ini membuat pembayaran zakat perniagaan.

**Hadirin yang Dihormati Sekalian**

16. Kerjasama dan hubungan baik antara ANGKASA dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pahang khasnya dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia amnya semakin kukuh. Amatlah penting ketiga-tiga entiti ini berganding bahu bagi

memastikan Rukun Islam ke-3 ini dapat dilaksanakan dengan baik.

17. Besarlah harapan ANGKASA agar gerakan koperasi dapat mengambil manfaat daripada perkhidmatan yang ANGKASA sediakan bagi bersama-sama dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang



untuk membuat taksiran dan pembayaran zakat koperasi masing-masing.

18. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas jemputan dan penganjuran majlis ini serta semua yang bersama-sama

menjayakannya. Semoga kita semua mendapat manfaat di atas perkongsian ini dan beroleh nikmat yang Allah berikan di sepanjang bulan mulia ini.

Sekian, Wabillahitaufik wal hidayah,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.